


HIMPUNAN  
**366**

*Cerita Rakyat  
Malaysia*

RM 39.90



**BONUS!**  
**12**  
CERITA BULANAN

Diselenggarakan oleh:  
OTIMAN PUTEH • ARIFIN SAID

### 3 Nuri yang Bijak

Tersebutlah kisah seorang raja memerintah negeri Alasan. Baginda sangat baik hati tetapi tidak pernah mendampingi rakyat. Baginda hanya tahu akan hal rakyat daripada para menteri.

Pada suatu malam, baginda bermimpi. Ada seekor burung nuri hinggap di jendela. Burung nuri itu menyanyi-nyanyiriang. Apabila terjaga, baginda terus ke jendela tetapi nuri tiada. Lalu baginda memberitahu kepada menteri dan memintanya mencari nuri itu.

"Setahu patik, burung itu ada dipelihara oleh seorang rakyat tuanku," kata menteri.

Setelah mencarinya, burung itu diperoleh. Mamanda menteri membawanya ke istana. Alangkah gembiranya baginda. Nuri menyanyi. Suaranya sungguh merdu.

"Ini nuri yang seperti beta mim-pikan itu," titah baginda dengan riang.

Pada suatu petang, baginda membawa nuri yang jinak itu ke anjung istana.

"Wahai nuri, menyanyilah untuk beta. Suaramu sungguh merdu," titah raja.

"Hamba sudah puas menyanyi. Biarlah hamba bercerita pula," kata nuri.

"Berceritalah nuri!" titah baginda.

"Begini ceritanya, tuanku. Ada seorang raja yang memerintah negeri Budiman. Tetapi baginda tidak pernah mengambil tahu hal rakyat baginda. Baginda hanya tinggal di istana. Pada suatu hari, baginda jatuh sakit. Tetapi, tak ada rakyat jelata yang datang. Rakyat tidak mendoakan baginda. Rakyat tidak pula mengasihi baginda. Penyakit baginda tak juga sembuh. Baginda berjanji, jika sesiapa berjaya mengubatnya, baginda akan mendampingi rakyat. Akhirnya ada seorang pemuda datang ke istana. Pemuda itu mengubati baginda. Baginda pun sembuhlah. Sejak itu baginda men-

dampingi rakyat. Baginda dikasihi oleh rakyat jelata," kata nuri.

Baginda amat terkejut dan malu mendengar cerita nuri. Baginda masuk ke istana lalu berjumpa mamanda menteri.

"Besok, mamanda temankan beta. Beta mahu melihat rakyat yang beta kasihi," titah raja.

Mamanda menteri sangat gembira. Sejak itulah baginda mendampingi rakyat. Baginda ditemani oleh menteri dan nuri. Rakyat jelata amat mengasihi baginda. ■



## 18 Lain Bau Lain Warna

**P**ada zaman dahulu, di pinggir sebuah danau tumbuhlah segala jenis bunga. Pohon-pohon bunga itu hidup dengan subur. Semua pokok mengeluarkan bunga masing-masing. Pada waktu itu bunga-bunga tidak berbau dan tidak berwarna.

Sebaliknya pula, air danau itu mempunyai berbagai-bagai warna. Air itu juga mengeluarkan bau yang wangi. Bau wangi itu pula berubah pada hari dan waktu yang lain.

Pada suatu hari bertanyalah air sungai itu kepada pokok-pokok bunga yang ada di pinggir danau.

"Tidak mahukah kamu semua mempunyai bunga yang cantik berwarna-warni serta harum pula baunya?" tanya danau.

"Ya, kami mahu. Berilah kami warna dan bau itu," jawab pokok-pokok itu.

"Pada waktu tengah malam nanti, setiap kamu jatuhkanlah sekuntum bunga ke dalam danau ini. Kemudian katakanlah warna

apa yang kamu mahu dan apa pula baunya," kata danau.

Pada tengah malam itu, setiap pokok bunga yang ada di pinggir danau itu pun menjatuhkan sekuntum bunga ke dalam air. Ia juga menyatakan warna dan bau yang dihajati.

Ada yang betul permintaannya, memilih warna yang cantik dan bau yang harum. Ada yang memilih warna yang cantik tetapi

terlupa pula memilih bau. Ada yang memilih bau tetapi terlupa memilih warna. Ada yang memilih bau yang busuk kerana tidak tahu bagaimana bau yang dipilih itu.

Ada pula yang lebih malang. Ia terus tertidur sampai pagi dan tidak memilih sebarang warna atau bau.

Demikianlah akhirnya bunga-bunga itu memilih warna dan bau masing-masing. ■



## 18 Batu Gajah

Anak Sang Kelembai mati dihempap oleh pokok bayam. Sang Kelembai menangis di sisi anaknya yang tidak bernyawa lagi. Dia sangat sedih.

Sang Kelembai merayau-rayau di sepanjang sungai. Dia mahu melupakan segala peristiwa yang menimpa dirinya.

Di sungai yang sama, terdapat tiga ekor gajah sedang berbual-bual. Ketiga-tiga ekor gajah itu memang suka menceritakan tentang binatang-binatang lain. Mereka suka mencaci dan mengumpat. Itulah pekerjaan yang digemari oleh tiga ekor gajah itu.

Berhampiran dengan tiga ekor gajah ini ada seorang pemuda. Pemuda ini suka memencilkan diri. Dia tidak suka kepada orang yang suka mengata orang lain.

Sedang Sang Kelembai merayau-rayau, dia terdengar suara ketiga-tiga ekor gajah itu. Sang Kelembai menghampiri gajah-gajah itu. Alangkah terkejutnya Sang Ke-

lembai apabila mendapati gajah-gajah itu sedang mencaci binatang-binatang lain.

"Janganlah sedih Sang Kelembai. Kita semua akan mati. Lagipun yang mati bukannya kamu. Anak kamu yang mati. Kamu patut gembira kerana pokok bayam itu menimpa anak kamu. Bukannya kamu," kata gajah itu.

Rakan-rakannya yang lain ketawa mendengar kata-kata itu.

Hati Sang Kelembai menjadi semakin sedih. Kata-kata itu sungguh menyayat perasaannya.

"Wahai gajah-gajah yang baik hati. Nasib baiklah saya telah bersumpah tidak akan menegur sesiapa lagi. Kalau tidak ...."

"Kalau tidak apa yang kau hendak tegur, Kelembai?" tanya gajah itu.

"Kamu bertiga menjadi batu," jawab Sang Kelembai.

Dengan tidak semena-mena ketiga-tiga ekor gajah itu bertukar menjadi batu.

Akan perbuatan Sang Kelembai menegur gajah-gajah itu dilihat oleh pemuda yang baik hati.



Pemuda itu berasa gembira. Ketiga-tiga ekor gajah yang suka mengumpat dan mencaci itu telah menjadi batu. Akan sungai yang disusuli oleh Sang Kelembai masih ada hingga hari ini. Sungai itu ialah Sungai Kinta.

Sempena peristiwa itu, si pemuda menamakan tempat itu Batu Gajah. Kekallah nama itu sehingga sekarang. ■

## 7 Puteri Bunga Tanjung

Pada suatu malam terang bulan, tuan puteri dari kayangan turun ke bumi untuk bersuka-sukaan. Sewaktu bersiram di sebuah tasik, tuan puteri meletakkan pakaian kayangannya di perdu sebatang pohon. Berhampiran pohon itu ada sebuah teratak yang didiami seorang perempuan tua.

Tiba-tiba perempuan tua itu terdengar suara tangisan. Dia pun ke pohon di tepi tasik itu. Dia melihat ada seorang gadis rupawan di situ.

"Apa yang ditangiskan, wahai cucu?" tanya perempuan tua.


"Pakaian saya hilang, nek," jawab si gadis teresak-esak.

"Tentunya dicuri orang. Kalau begitu marilah tinggal bersama-sama nenek," kata perempuan tua.

Apakan daya, tuan puteri terpaksa menerima pelawaan perempuan tua itu. Saban malamlah tuan puteri ke bawah pohon itu. Tidak juga dia menemukan pakaian kayangannya yang hilang itu.

Pada pagi esoknya perempuan tua pergi mencari kayu api. Oleh kerana letih, dia pun pergi hendak berehat di bawah pohon itu. Dia terhidukan sesuatu yang harum. Dia melihat beribu-ribu kuntum bunga putih kekuningan seperti hamparan tikar.

Perempuan tua tidak jadi mencari kayu api. Dia pulang memberitahu tuan puteri.



"Kalau begini banyaknya bunga ini, apa kata kalau kita mengarangnya. Kita jual di pasar," kata tuan puteri.

Maka senanglah sedikit kehidupan perempuan tua dan tuan puteri.

Setiap malam tuan puteri akan ke bawah pohon di tepi tasik itu. Setelah puas menangis dia akan pulang. Pada keesokan paginya perempuan tua akan ke situ. Seperti biasa dia melihat beribu-ribu kuntum bunga bertaburan di situ.

Pada suatu hari perempuan tua bertanya, "Bunga apakah ini, wahai cucu?"

"Inilah bunga tanjung, nek. Bunga yang menjadi lambang di kayangan sana," keluh tuan puteri.

"Hm, kalau begitu izinkanlah nenek memanggilmu Puteri Bunga Tanjung," kata perempuan tua itu.

Pada suatu malam sewaktu Tuan Puteri Bunga Tanjung ke pohon itu, dia ternampak sesuatu. Sebuah bungkus terletak di perdu pohon itu. Dia membukanya. Wah, kepalang sukanya Tuan Puteri Bunga Tanjung kerana bungkus itu mengandungi pakaian kayangan!

Rupa-rupanya ayahandanya sudah tahu akan nasib puterinya. Baginda mengirinkan pakaian dari kayangan.

Maka Tuan Puteri Bunga Tanjung pun memohon izin untuk pulang ke kayangan.

"Usahlah nenek kkuatir. Apabila tiba musimnya, pohon itu akan berbunga, nek. Kutip, karang dan juallah di pasar," kata tuan puteri.

Apabila tiba musimnya, Tuan Puteri Bunga Tanjung akan turun ke situ. Dia menangis lalu air matanya menjadi bunga tanjung. ■